# Pro Aspirasi menang mudah di UTHM

**BATU PAHAT** - Pro Aspirasi menang mudah di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) selepas memenangi 26 daripada 27 kerusi yang dipertandingkan pada pilihan raya kampus universiti itu, kelmarin

Proses pengundian bermula pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang di 13 pusat pengundian ditetapkan dan keputusan diumumkan Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Profesor Dr Ir Abdul Aziz Abdul Samad kira-kira 5 petang.

Bagaimanapun, Abdul Aziz berkata, tidak timbul soal Pro Aspirasi atau Pro Mahasiswa kerana pihak universiti tidak membenarkan amalan politik kepartian dalam pilihan raya kampus.

Menurutnya, calon daripada Pro Aspirasi menyapu bersih sembilan kerusi umum yang dipertandingkan manakala Pro Mahasiswa hanya mampu memenangi satu daripada 18 kerusi fakulti pada pilihan raya kampus itu.

"Tidak timbul soal itu dan tidak kira daripada pihak mana, yang penting semua calon yang memenangi pilihan raya kali ini mesti bekerjasama dengan baik sebagai satu pasukan demi kebaikan dan kemajuan warga universiti," katanya.

Abdul Aziz yang juga Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTHM, memberitahu, pilihan raya kampus kali ini turut mencatatkan bilangan pengundi teramai iaitu 10,085 orang.

Jelasnya, jumlah itu mewakili 74.08 peratus daripada keseluruhan 13,614 pengundi yang layak mengundi.

Kejutan turut berlaku apabila pelajar tahun dua Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Dayang Wafiqah Abang Jama'aludin menerima undi tertinggi untuk kerusi umum iaitu sebanyak 8,207 meninggalkan Yang Dipertua MPP sesi tahun lalu, Mohd. Hafiz Ariffin di tangga kedua dengan undian sebanyak 7,798.